

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]
TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa Kerajaan belum mengenakan syarat yang wajibkan bangunan komersial dan perkilangan baru meletak "solar panel" pada 50% pada keluasan bumbung mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, pemasangan sistem solar *photovoltaic*, dengan izin atau solar PV di bumbung bangunan komersial dan perkilangan dibuat secara sukarela di bawah mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) di mana perolehan di bawah FiT dapat menampung perbelanjaan modal untuk pemasangan solar panel tersebut. Oleh yang demikian, sebarang perancangan untuk mewajibkan bangunan komersial dan perkilangan baru memasang solar PV sebanyak 50% daripada keluasan bumbung mereka tanpa melalui mekanisme FiT memerlukan kajian menyeluruh kerana ia mempunyai implikasi kos yang tinggi terhadap pemilik-pemilik bangunan serta mempunyai kesan terhadap kestabilan grid nasional.